

Isi tanah kosong dengan tanaman berfaedah

—Mahathir Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

ALOR SETAR, Ahad — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru penduduk luar bandar mengusahakan tanah-tanah kosong mereka dengan tanaman berfaedah.

Menurut beliau, negara mempunyai tanah subur dengan tumbuh-tumbuhan yang mudah hidup dan boleh menambah bahan makanan.

Timbalan Perdana Menteri berkata demikian selepas menghadiri majlis berbuka puasa yang diberinya di Masjid Pida Tiga, kira-kira 22 batu dari sini malam semalam.

Kira-kira 300 orang termasuk Datin Seri

Dr. Siti Hasmah dan Ahli Exco Negeri, Haji Othman bin Haji Aroff, menghadiri majlis itu. Beliau memuji usaha penduduk sekitar kawasan itu yang menanam pisang di sepanjang jalan.

Usaha ini, menurutnya, patut menjadi contoh di tempat-tempat lain dan jika mengeluarkan hasil yang banyak, boleh dijadikan perusahaan.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menyatakan, rakyat negara ini bernasib baik dengan keadaan aman dan tenang, manakala kenaikan harga barang seperti daging, disel dan min-

yak tanah tidak begitu tinggi.

Katanya, "Kita bersyukur kerana hidup hari-hari tidak ada sebarang tekanan dari mana-mana pihak dan boleh menunaikan sembahyang berpuasa dan lain-lain.

"Tidak seperti di negara-negara lain yang sentiasa terancam ditekan oleh pemerintah yang tidak suka kepada agama Islam," tegasnya. Beliau berkata, terdapat sebahagian pelarian Vietnam orang-orang Islam yang terpaksa lari dari tekanan seumpama itu. — Bernama.